

Sidang Apec: Pendirian negara dinyatakan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia berpeluang menyatakan pendiriannya di Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Bogor, Indonesia minggu depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia sudah pun menyatakan lebih awal ia tidak mahu Apec diinstitusikan tetapi memadai ia sekadar satu forum ekonomi yang longgar.

“Saya tidak ada mandat untuk menukar pendirian ini.

“Kita mempunyai harapan dan peluang untuk menyatakan pendirian kita (di Bogor),” katanya menjawab soalan pemberita selepas mesyuarat MT di sini hari ini.

Ditanya sama ada beliau akan berjumpa Presiden Bill Clinton di Bogor, Dr Mahathir berkata: “Tak ada kerana dia (Clinton) bukan tuan rumah persidangan itu.”

Menurut Perdana Menteri, sewaktu di Seattle dahulu, Clinton ialah tuan rumah dan setiap pemimpin negara anggota memuinya. “Tetap kali ini, kita jumpa dia sebagai orang yang hadir mesyuarat,” katanya.

Dr Mahathir tidak menghadiri sidang Apec di Seattle, tahun lalu.

Mengenai desakan Australia supaya Apec dijadikan zon perdagangan bebas menjelang 2020, Dr Mahathir berkata: “Itu hak negara berkenaan untuk mendesak. Kita juga punya hak nak tolak.”

Berhubung penahanan dua lagi pemimpin Arqam, Khairul Annuar Ujang dan Hassan Mokhtar mengikut ISA, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, mereka terpaksa tunggu dulu kerana mereka ditahan lewat.